

Sinarharian

14/8/16

MIS 02-03

# Anak disleksia

Pemahaman ibu bapa dan penerimaan masyarakat

## Info Disleksia

- Masalah asas disleksia ialah perbezaan cara otak berfungsi dalam menghubungkan simbol visual dengan bunyi.
- Sukar membaca, menulis, memahami, mengeja dan mengira.
- 4 hingga 8 peratus murid bermasalah disleksia.
- Kanak-kanak lelaki lebih ramai disleksia berbanding perempuan.
- Ciri disleksia di prasekolah - lambat bertutur, sukar tulis nama sendiri, payah kenal bentuk dan wama, suka beritahu cerita yang didengari.
- Ciri disleksia di alam persekolahan - gagal menguasai tugas sekolah misalnya membaca, mengeja, menulis, tidak suka membaca dan mengelak daripada membaca di dalam kelas, silap membaca huruf, perkataan atau nombor misalnya 15 dengan 51, 'was' menjadi 'saw', kurang koordinasi seperti sukar ikat tali kasut, keliru dengan konsep seperti semalam, hari ini dan esok, sukar memahami arahan, selalu hilang barang di sekolah.
- Orang temama yang mengalami disleksia termasuklah ahli politik (Lee Kuan Yew), pelakon (Whoopi Goldberg) dan saintis (Albert Einstein).
- Individu disleksia berimajinasi tinggi, berkemahiran tangan dan sukan.
- Mereka selalu disalah sangka sebagai malas, bodoh atau lembap.
- Pembentukan imej diri terjejas

**S**aya mempunyai anak disleksia berumur 7 tahun. Memang banyak dugaan mempunyai anak begini. Bila kita bercakap atau menegur, sekejap sahaja dia faham dan dengar.

Paling membuatkan saya sedih, anak saya kini berada di kelas belakang atas alasan masih tidak mampu menguasai teknik membaca, mengira dan menulis. Sebagai ibu saya cuba juga berikhtiar untuk menghantar anak ke kelas tuisyen namun atas kekangan wang saya tangguhkan dahulu.

Tidak terhenti setakat itu sahaja, kadang-kadang anak saya juga malas ke sekolah kerana takut dimarahi guru. Puas saya memujuknya setiap pagi untuk ke sekolah.

Walaupun dia mempunyai kelemahan dalam beberapa aspek, kepetahannya bercakap sukar ditandingi. Apa yang saya tidak boleh terima adalah penerimaan guru dan rakan yang menganggap anak saya bodoh. Hati ibu mana yang tidak tergores dengan panggilan itu. Saya dan suami pun tidak

pernah selesaikan masalahnya bodoh. Bagaimanapun suami sentiasa berpesan pada saya terimalah anak kita dengan hati terbuka. Mungkin ini adalah ujian untuk kami suami isteri. Dari situ saya mengenal erti bersyukur dan sabar. Cuma saya mengharapkan anak saya akan tetap menjadi orang berjaya suatu hari nanti.

Ini antara luahan seorang ibu yang mempunyai anak disleksia. Tanggapan orang sekeliling sebenarnya membuatkan semangat seseorang itu lemah untuk berhadapan dengan masyarakat.

Mengikut statistik, dianggarkan seramai 500,000 kanak-kanak mengalami disleksia di negara ini. Bagaimanapun perkara ini tidak diberi perhatian serius sehinggakan ramai dalam kalangan mereka diklasifikasikan sebagai murid yang tidak pandai atau bodoh.

Siapakah yang harus dipertanggungjawabkan dalam hal ini. Adakah ibu bapa, pihak sekolah, atau kerajaan? Sebenarnya sebagai masyarakat kita tidak harus menuding jari mencari kesilapan mana-mana pihak.

Kerjasama dan persefahaman dalam membantu kanak-kanak disleksia sebenarnya bukan bergantung kepada satu pihak sahaja. Semua harus memainkan peranan. Ibu bapa perlu lebih peka terhadap sebarang perkembangan anak.

Sebagai langkah awal, ibu bapa dan guru perlu melihat kepada perubahan dalam aspek membaca, menulis, sistem

- Mengenal erti bersyukur dan sabar dan mengalami rendah diri.
- Jika tidak dibantu di peringkat awal, boleh menyebabkan gangguan emosi, masalah tingkahlaku dan rendah pencapaian akademik.
- Tingkatkan pofensi mereka melalui terapi pertuturan, latihan pendengaran dan pendekatan pelbagai deria. (sentuhan, pendengaran, merasa pergerakan bibir dan menulis huruf atau perkataan)
- Bantu mereka menguasai maklumat secara beransur-ansur.
- Lakukan pengulangan semasa mengajar.
- Gunakan video atau kaset untuk belajar.

\*\* Sumber: [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my)

angka, kemahiran dan kelakuan kanak-kanak disleksia. Pengesanan di peringkat awal dapat membantu kanak-kanak dalam kategori tersebut.

Walaupun begitu, ramai kanak-kanak lain melakukan kesilapan yang sama dengan orang yang mengalami disleksia. Bagi menanganinya, ibu bapa dinasihatkan segera membawa anak berjumpa dengan pakar.

Minggu ini Wow membawakan kupasan mengenai anak disleksia dan perkongsian dengan beberapa pihak bagi memberi pencerahan dalam membantu ibu bapa yang masih keliru mengenai perkembangan anak mereka.



Sokongan secara berterusan dapat membantu anak disleksia berjaya dalam hidup.




# Individu disleksia perlu dibantu

PERSATUAN Disleksia Malaysia merupakan sebuah persatuan yang memberi tumpuan kepada masalah pembelajaran individu yang menghidap masalah disleksia.

Pengerusi Persatuan Disleksia Malaysia, Sariah Amirin, 72, berkata pengalamannya sebagai pendidik dan penyelia pendidikan khas menggerakkan usahanya untuk mengasaskan Persatuan Disleksia Malaysia. Apatah lagi apabila beliau melihat belum ada persatuan yang ditubuhkan untuk membantu penghidap disleksia.

"Ini berbeza dengan masalah lain seperti sindrom down atau autisme yang ada persatuannya sendiri. Justeru saya terpanggil untuk menubuhkan persatuan berkenaan disleksia. Saya sendiri mempunyai pengalaman berdepan dengan kanak-kanak istimewa ini sepanjang bergelar guru sebelum saya bersara," ujarnya.

Bimbang melihat kehidupan kanak-kanak disleksia yang mungkin terabai jika dibiarkan tanpa bantuan daripada individu yang ada ilmu mengenai disleksia, Sariah



Abjad ditulis terbalik antara ciri individu disleksia.

mengadakan bengkel bersama sekolah untuk berkongsi kaedah pembelajaran kanak-kanak disleksia bersama guru sekolah. Ini kerana persatuan sangat prihatin terhadap nasib kanak-kanak disleksia yang agak terkebelakang dalam pembelajaran di sekolah kerana kelemahan yang dimiliki.

### MyLexic

Berdasarkan pengalaman, Sariah tampil dengan kaedah pembelajaran yang diberi nama MyLexic. Kaedah ini dicipta sendiri mengikut kepada pengalaman dan pemerhatian sepanjang kariernya. Nyata kaedah ini amat bagus dan berkesan untuk diamalkan pada individu disleksia.



"Kaedah MyLexic ini saya cipta untuk memudahkan guru mengajar individu disleksia manakala murid pula seronok untuk belajar. Kesan paling nyata ialah murid disleksia dapat membaca dengan lancar,"

menyasarkan untuk memberi kesedaran kepada golongan ibu bapa dan guru.

"Individu yang menunjukkan ciri-ciri disleksia perlu didiagnos seawal mungkin supaya mereka tidak dibiarkan terus hidup dalam keadaan yang bermasalah. Apabila mereka disahkan ada disleksia, maka bantuan boleh diberikan. Mereka perlu mendapat pendekatan pembelajaran yang sesuai," ujarinya.

### Masalah pembelajaran

Kanak-kanak yang berdepan dengan masalah disleksia akan sukar mengenal huruf apatah lagi untuk membaca. Kekeliruan kiri dan kanan juga menyukarkan mereka melalui hidup secara normal.

Jika dibiarkan berterusan, mereka akan rendah diri lalu murung dan berkemungkinan semakin teruk menjadi ganas kerana mahu melepaskan apa yang terbuka di hati. Di sinilah peranan ibu bapa dan guru sangat dititikberatkan demi masa depan golongan disleksia.

"Sistem pembelajaran di sekolah aliran perdana menyukarkan guru untuk memberi tumpuan kepada murid disleksia yang sukar membaca. Ini kerana murid tersebut memerlukan masa yang lebih

panjang untuk belajar berdepan murid normal. Saya sarankan agar ibu bapa menghantar anak belajar di persatuan ini kerana kami mempunyai guru yang bertauliah untuk mendidik murid yang ada masalah disleksia," katanya lagi.

Menurut Sariah, individu disleksia boleh berjaya kerana IQ mereka sama sahaja dengan orang lain. Pun begitu, masalah mudah lupa terhadap sesuatu yang baru berlaku (short term memory lost) menyebabkan mereka sukar belajar.

"Ada bekas murid di sini yang sekarang bekerja sebagai juruterbang, arkitek, jurutera dan terlibat dengan teknologi maklumat. Ini menunjukkan mereka boleh maju asalkan mendapat pendidikan dengan teknik yang sesuai dengan keupayaan mereka," ujarinya lagi yang mengakui kaedah pembelajaran di arus perdana tidak sesuai untuk penghidap disleksia.

### Ibu bapa

Menurut Sariah, persatuan ini mengalu-alukan ibu bapa mendapatkan khidmat kaunseling jika mendapati anak mereka mempunyai masalah disleksia. Ini dapat menyingkir perasaan malu atau

tidak dapat menerima nakikat bahawa anak mereka ada masalah itu.

"Disleksia bukannya penyakit maka tidak boleh diubah. Disleksia ialah masalah pembelajaran disebabkan kelainan struktur dan fungsi otak. Masalah ini mungkin diwarisi daripada ahli keluarga. Kajian belum dapat memastikan faktor yang menyebabkan disleksia. Ibu bapa tidak perlu malu memiliki anak sebegini," ujarinya.

Sariah menyarankan supaya ibu bapa menyokong anak-anak disleksia. Mereka memerlukan sokongan. Ibu bapa perlu tanam dalam diri bahawa anak mereka yang ada disleksia itu boleh berjaya namun perlu mendapatkan teknik pembelajaran yang betul.

"Anak-anak disleksia mempunyai rasa sehsitif yang sangat tinggi. Jika dimarah, mereka akan rasa kita tak sayang dia. justeru ibu bapa perlu banyak bersabar. Ajar dengan penuh kasih sayang misalnya apabila mereka sukar mengenal pasti kiri dan kanan, membuat sepah atau nakal. Inilah yang pihak persatuan cuba sarankan," tambahnya.

Selain itu, pihak persatuan juga ada

katanya mengenai kaedah pembelajaran ini.

Setakat ditubuhkan, dengan hanya enam murid yang belajar di persatuan ini, kini mengikut statistik telah hampir 20,000 kanak-kanak disleksia dibantu dalam sesi pembelajaran. Kini Persatuan Disleksia Malaysia telah ada 13 pusat seluruh tanah air.

"Saya banyak melawat ke pusat disleksia luar negara misalnya Amerika Syarikat. Kaedah yang digunakan berkesan dan dari situlah saya membangunkan kaedah MyLexic ini untuk kebaikan anak tempatan," ujarinya.

Sariah mahu menaikkan semangat ibu bapa, guru dan anak disleksia supaya dapat saling membantu demi masa depan yang lebih baik. Impian Sariah supaya di sekolah aliran perdana ada diwujudkan satu sekolah satu kelas khas untuk disleksia.

"Ibu bapa pula perlu peka dengan kebolehan anak. Jika ada tanda disleksia, jangan bertangguh. Terus bawa ke persatuan kerana kami boleh bantu untuk mengajar anak anda. Guru di sekolah pula perlu diterapkan dengan ilmu teknik mengajar murid disleksia supaya keadaan ini boleh dipantau dengan baik," ujarinya.

## Tonjol kreativiti grafiti

BERSEMPENA sambutan Hari Merdeka yang bakal tiba, kanak-kanak disleksia dari Persatuan Disleksia Malaysia menonjolkan bakat mereka melalui lukisan grafiti. Lukisan ini diabadikan di dinding bangunan persatuan mereka di Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Dengan tema Sehati Sejiwa, program ini dianjurkan dengan

Ibrahim memasang hashtag di tepi sehati sejiwa di samping, Sariah dan kanak-kanak disleksia sempena Program Grafiti #SehatiSejiwa Media Bersama Kanak-kanak Disleksia di Persatuan Disleksia Malaysia Jalan Ampang. - Foto: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

tujuan menyemarakkan semangat cinta negara dalam kalangan kanak-kanak disleksia. Di samping itu, turut berkonsepkan tanggungjawab sosial untuk mengeratkan hubungan kerjasama antara media massa dan Jabatan Penerangan Negara.

Grafiti berkonsepkan #sehatisejiwa berukuran 25 kaki lebar dan 12 kaki tinggi ini turut menyaksikan pengamal media massa melukis logo agensi masing-masing sebagai tanda sokongan dan kenangan.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Datuk Ibrahim Abdul Rahman. Turut hadir ialah Pengerusi Persatuan Disleksia Malaysia, Sariah Amirin.

